



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR**

**DPB50163 BUSINESS PROJECT**

**DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN**

**TAJUK: APLIKASI E-MEALS**

<b>NAMA</b>	<b>NO PENDAFTARAN</b>
<b>THURGA A/P RAVI</b>	<b>10DLS19F1209</b>
<b>ARUNYA RAJ A/L SIVA</b>	<b>10DLS19F1218</b>
<b>KARRTHIK A/L SATHASIVAM</b>	<b>10DLS19F1109</b>
<b>MUHAMMAD AL-HAFIZ BIN ISMARUL AZHAR</b>	<b>10DLS19F1107</b>

## **JABATAN PERDAGANGAN**

**SESI 1 2021/2022**

### **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan  
Jabatan Perdagangan  
Politeknik Seberang Perai,  
Jalan Permatang Pauh,  
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

## PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk aplikasi “E-Meals” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

### **Disemak oleh:**

Nama Penyelia : SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM

Tandatangan Penyelia : .....

Tarikh : .....

Nama Penyelia Bersama : PUAN NIK NOR AZILA BT NIK ZAID

Tandatangan Penyelia Bersama : .....

Tarikh : .....

### **Disahkan Oleh:**

Nama Penyelaras : DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

Tandatangan Penyelaras : .....

Tarikh : .....

## PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : THURGA  
Nama : THURGA A/P RAVI  
No. Pendaftaran : 10DLS19F1209
  
2. Tandatangan : ARUN  
Nama : ARUNYA RAJ A/L SIVA  
No. Pendaftaran : 10DLS19F1218
  
3. Tandatangan : KARRTHIK  
Nama : KARRTHIK A/L SATHASIVAM  
No. Pendaftaran : 10DLS19F1109
  
4. Tandatangan : HAFIZ  
Nama : MUHAMMAD AL-HAFIZ BIN ISMARUL AZHAR  
No. Pendaftaran : 10DLS19F1107

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK  
E-MEALS APPLICATION**

1. Kami,  
THURGA A/P RAVI (990511027084)  
ARUNYA RAJ A/L SIVA(001020-08-1341)  
KARRTHIK A/L SATHASIVAM(010806020609)  
MUHAMMAD AL-HAFIZ BIN ISMARUL AZHAR (010619040049)  
adalah pelajar **Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai**, yang  
beralamat di **Jalan Permatang Pauh,13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang**.
2. Kami mengakui bahawa projek E-meals dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek mobile meals application kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan **Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan** kepada kami.

<b>Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut :</b>	
THURGA A/P RAVI No. Kad Pengenalan : 990511-02-7084	.....
ARUNYA RAJ A/L SIVA No. Kad Pengenalan : 001020-08-1341	.....
KARRTHIK A/L SATHASIVAM No. Kad Pengenalan : 010806020609	.....
MUHAMMAD AL-HAFIZ BIN ISMARUL AZHAR No. Kad Pengenalan : 010619040049	.....
Di hadapan saya, nama penyelia; PUAN NIK NOR AZILA BT NIK ZAID No. Kad Pengenalan :	.....

## ABSTRAK

Aplikasi E-Meals merupakan salah satu aplikasi yang dihasilkan bagi membantu Syarikat Chawin Trading untuk memesan makanan secara dalam talian. Pengkaji menghasilkan aplikasi E-Meals yang merupakan platform dimana setiap pekerja tidak perlu keluar untuk membawa pulang makanan. Tujuan penghasilan aplikasi E-Meals adalah untuk memudahkan para pekerja pengesanan makanan. Pengurusan syarikat juga dapat memberikan elaun melalui aplikasi. Dengan menggunakan aplikasi E-Meals ini para pekerja dapat mengelakkan diri dari dijangkiti virus covid-19. Dengan menggunakan aplikasi ini juga, Pekerja mendapatkan makanan tepat pada waktunya, dan dapat bekerja semula pada masa yang ditetapkan. Pada masa yang sama, melalui aplikasi ini pekerja boleh membuat pilihan membeli makanan daripada kedai makanan yang tersenarai di dalam E-Meals. Dengan aplikasi ini, pengkaji yakin bahawa syarikat dapat membantu pekerja mereka untuk membuat pesanan makanan tanpa perlu keluar daripada tempat kerja. Oleh itu, pengkaji mengharapkan aplikasi E-Meals ini dapat membantu Syarikat Chawin Trading dan juga dapat digunakan oleh mana-mana syarikat untuk membantu pekerja mereka membeli makanan.

## ABSTRACT

The E-meals application is one of the applications produced to help the Chawin Trading company to overcome the difficulty of obtaining food supplies. The researcher produced this mobile meals application which is a platform where every worker does not have to go out to buy food and does not have to worry about transportation and food. The purpose of producing mobile meals is also to make it easier for workers who work in the factory to place orders through the mobile meals application. Employees can order their favourite foods through this app at any time before break time. Management can also provide allowances through applications. In the current situation, the management emphasizes that employees will be infected with covid 19 virus by going out to buy food. Although the company gave a break of 1 hour but the employees could not go work place on time after buying food. By using this app, Employees get food on time, and can run the workflow without delays and shortages. By using this application, users can find out the profile and food store or restaurant, food prices, and also the business hours of the restaurant provided by the company. At the same time, management limits the selection of nearby restaurants only. With this application, the researcher is confident that the acceptance of employees in the company to this application is very positive because with this application we can place orders in one place without leaving. Therefore, the researcher has taken the initiative to introduce this mobile meals application for Chawin Trading companies.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project yang bertajuk E-Meals bagi Sesi 1 2021/2022.

Penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, Puan Sharipah Khadijah binti S.Hashim sebagai Pensyarah Kursus dan PUAN NIK NOR AZILA BT NIK ZAID sebagai Penyelia bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.



## SENARAI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

**PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

**PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR**

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

**ABSTRAK**

***ABSTRACT***

**PENGHARGAAN**

**SENARAI RAJAH**

**SENARAI JADUAL**

### **1.0 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang Projek Inovasi	1-2
1.3	Pernyataan Masalah	2-3
1.4	Objektif Projek Inovasi	3
1.5	Persoalan Projek Inovasi	4
1.6	Justifikasi Projek Inovasi	4-6
1.7	Skop Projek Inovasi	6-7
1.8	Kepentingan Projek Inovasi	7
1.9	Takrifan Istilah	7-8
1.10	Rumusan bab	8-9

<b>2.0</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pendahuluan	10
2.2	Kajian terdahulu	10-14
2.3	Rumusan bab	14
<b>3.0</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	15
3.2	Maklumat Projek Inovasi	15
3.3	Proses Pembangunan Projek Inovasi	16-26
3.4	Pembaharuan dan Keunikan Projek Inovasi	26-27
3.5	Kaedah Kajian	28-29
3.6	Rumusan bab	29
<b>4.0</b>	<b>ANALISIS PROJEK INOVASI DAN DAPATAN</b>	
4.1	Pendahuluan	30
4.2	Analisis Situasi	30-36
4.3	Analisis Kewangan	36
4.3.1	Kos penghasilan projek inovasi	36
4.3.2	Kos penghasilan projek inovasi per unit	37
4.3.3	Peletakan harga projek inovasi	37
4.3.4	Justifikasi kos pelaksanaan projek inovasi	37
4.4	Impak Projek	38
4.5	Pengkomersialan (target pengguna)	38-40
4.6	Rumusan bab	40
<b>5.0</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	41

5.2	Kesimpulan keseluruhan projek	41-43
5.3	Cadangan atau penambahbaikan	43-44
5.4	Kesimpulan	44
5.5	Rumusan bab	45

<b>RUJUKAN</b>	46
----------------	----

#### **LAMPIRAN**

Lampiran 1 – Carta Gantt

Lampiran 2 – Contoh soalan soal selidik

Lampiran 3 – Borang – borang yang berkaitan(jika ada)

## SENARAI RAJAH

BIL RAJAH	NAMA RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1	contoh aplikasi pesanan makanan	3
Rajah 3.1	komputer riba	16
Rajah 3.2	canva	17
Rajah 3.3	3peralatan dan aplikasi yang digunakan untuk menghasilkan E-Meals	17
Rajah 3.4	'appinsitute' yang mengguna untu mencipta aplikasi E-Meals	18
Rajah 3.5-3.8	cara-cara memilih komponen	18-20
Rajah 3.9 -3.13	maklumat-maklumat yang direkodkan di 'appinsitute' untuk menghasilkan aplikasi E-Meals	20-22
Rajah 3.14-3.16	barcode yang boleh imbaskan untuk menggunakan aplikasi E-Meal	23-24
Rajah 3.17-3.20	maklumat-maklumat yang terdapat di dalam aplikasi E-Meals	24-26
Rajah 4.2	survey sebelum membina aplikasi E-Meals	32
Rajah 4.3	survey selepas membina aplikasi E-Meals	32
Rajah 4.5	Fasa pertama aplikasi E-Meals	34
Rajah 4.6	yang belum dimasukkan chat box	35
Rajah 4.7	Menunjukkan aplikasi yang telah dimasukkan chat box	36

## SENARAI JADUAL

BIL JADUAL	NAMA JADUAL	MUKA SURAT
Rajah 1.2	Analisis SWOT untuk projek inovasi yang akan dibangunkan	6
Rajah 3.21	senarai nama dan menu restoran	27
Rajah 3.22	Senerai soalan Borang Soal Selidik Sebelum Penghasilan Projek	28
Rajah 3.23	Senerai soalan Borang Soal Selidik Selepas Penghasilan Projek	29
Rajah 4.1	Dapatan soalselidik Sebelum Penghasilan Projek	31
Rajah 4.4	Senarai Soalan soalselidk Selepas Penghasilan Projek	33
Rajah 4.8	Kos pembangunan Aplikasi E-Meals	37
Rajah 4.9	Impak Produk Terhadap Masa	38
Rajah 4.10	Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Perkhidmatan	39
Rajah 5.1	Analisis SWOT	42

## **BAB 1**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Sebagai pendahuluan, projek inovasi ini merupakan perbincangan utama iaitu latar belakang projek inovasi, pernyataan masalah, objektif projek inovasi, justifikasi projek inovasi, skop projek inovasi, kepentingan projek inovasi, takrifan istilah dan rumusan bab.

Tujuan projek aplikasi E-Meals ini diwujudkan adalah untuk membantu Syarikat Chawin Trading mengatasi masalah tiada kantin dikawasan kilang. Selain itu, tujuan daripada projek ini adalah membantu Syarikat Chawin Trading menghasilkan aplikasi yang mampu membantu para pekerja membeli atau memesan makanan.

### **1.2 LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI**

Melalui kajian Muhammad Zakwan Zahari (2021), sektor penghantaran makanan dilihat memainkan peranan yang penting kepada masyarakat. Hal ini kerana kewujudan sektor penghantaran makanan secara tidak langsung dapat membantu masyarakat dengan membeli makanan secara dalam talian. Bukan itu sahaja, sektor penghantaran makanan juga dilihat mula mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kerana ia dapat membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat sekali gus dapat membantu menjana pendapatan sesebuah keluarga.

Menurut Mohd Akmal Azhar (2017), seperti penghantar makanan yang lain dimana hari-hari mereka dipenuhi dengan mengambil pesanan makanan dari restoran di sekitar kota dan menghantarnya kepada pelanggan.


Pengangkutan dan logistik adalah komponen penting dalam ekonomi yang sedang berkembang. Peningkatan dalam keperluan pengurusan berkaitan operasi kenderaan lebih penting dan meningkat dari tahun ke tahun (Sophia, 2013).

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Pada masa kini, perindustrian menyediakan banyak kemudahan yang mencukupi untuk pekerja. Syarikat Chawin Trading merupakan sebuah syarikat yang tidak mempunyai kemudahan kantin untuk para pekerja. Pekerja Syarikat Chawin Trading tidak mempunyai waktu rehat yang cukup dan memerlukan masa sebanyak 30 minit untuk ke restoran atau kedai makan yang paling berhampiran untuk membeli makanan. Oleh sebab itu, pekerja tidak dapat kembali ke tempat kerja pada masa yang ditetapkan. Selain itu, syarikat memberi perhatian yang khusus pada pekerja dalam situasi pandemik COVID-19 ini untuk menjaga keselamatan pekerja daripada dijangkiti COVID-19.

Peruntukan masa rehat selama sejam tidak mencukupi bagi pekerja untuk keluar membeli makanan memandangkan jarak kedai yang terlalu jauh dengan tempat kerja. Oleh itu, syarikat perlu memberi lebih perhatian atau tindakan untuk menangani masalah ini. Oleh itu, aplikasi E-Meals dibangunkan bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh pekerja Syarikat Chawin Trading untuk membuat pemesanan makanan yang diperlukan.

Aplikasi E-Meals turut menyediakan menu makanan yang bertujuan untuk memudahkan urusan pengagihan makanan kepada pekerja syarikat tersebut. Aplikasi ini juga mudah digunakan kerana didalam aplikasi E-Meals ini tertera restoran dan kedai untuk lebih mudah para pekerja memesan makanan dari lokasi restoran dan kedai yang berhampiran dengan Syarikat Chawin Trading.



Rajah 1.1: contoh aplikasi pesanan makanan



## **1.4 OBJEKTIF PROJEK INOVASI**

Objektif adalah seperti berikut:

- Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Syarikat Chawin Trading yang tidak mempunyai kemudahan kantin dan juga sukar membeli makanan diluar kawasan kilang.
- Menghasilkan aplikasi E-Meals untuk membantu para pekerja Syarikat Chawin Trading membeli makanan ketika waktu rehat dengan mudah dan cepat.
- Membantu peerja syarikat Chawin Trading membeli makanan secara dalam talian supaya dapat mengelakkan kontrak rapat dengan orang pada musim covid-19 ini.

## **1.5 PERSOALAN PROJEK INOVASI**

I) Apakah kelemahan Syarikat Chawin Trading yang tidak mempunyai kemudahan kantin dan sukar membeli makanan diluar kawasan kilang?

II) Bagaimanakah aplikasi E-Meals yang dihasilkan dapat para pekerja Syarikat Chawin Trading membeli makan etika waktu rehat dengan mudah dan cepat?

## **1.6 JUSTIFIKASI PROJEK INOVASI**

### **1.6.1 Pemilihan Syarikat**

Syarikat Chawin Trading pada asasnya ialah syarikat pengacuan plastik yang terletak di No, 76 Jalan Lobak 2, Taman Lobak 09600 Lunas Kedah. Pada tahun 2002, syarikat ini telah dinamakan sebagai 'Mekasar', kemudian bertukar kepada Syarikat Chawin Trading pada tahun 2006. Syarikat ini terdiri daripada 20 orang pekerja.

Syarikat Chawin Trading ini diuruskan sepenuhnya oleh R.Karunamurthi, serta dibantu oleh Beberapa kakitangan dalam aktiviti pengurusan syarikat. Misi Syarikat Chawin Trading ini adalah sentiasa komited untuk keselamatan pekerja dan alam sekitar. Syarikat

ini juga mengekalkan prestasi terbaik dalam menangani sebarang urusan niaga dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi syarikat ke kedudukan yang lebih memuaskan.

Justeru, syarikat itu dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik. Selain itu, syarikat ini turut mempunyai visi iaitu di mana keupayaan dan pengalaman sedia ada, syarikat ini dapat menangani dan menguruskan kerja yang diamanahkan. Syarikat ini akan memberikan komitmen yang penuh seperti membuat keutamaan kepada kualiti kerja yang terbaik.

Oleh itu, aplikasi E-Meals ini sangat penting kepada Syarikat Chawin Trading kerana aplikasi ini sangat membantu memudahkan pekerja untuk memesan makanan, menjimatkan masa, dan tenaga pekerja.

#### **1.6.2 Analisis SWOT (*Strength Weaknesses Opportunities Threat*)**

Pengkaji telah memilih analisis SWOT sebagai satu strategi mengenalpasti keperluan serta peluang bagi menjalankan projek ini. Analisis SWOT merupakan satu kerangka atau kaedah untuk mengenalpasti dan menganalisa kekuatan (*strength*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) serta ancaman (*threat*) sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh pihak pengurusan sesebuah organisasi.

Maklumat yang digunakan untuk analisis SWOT ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan hasil soal selidik pengkaji dengan pemilih syarikat dan pekerja Syarikat Chawin Trading berkaitan isu serta keperluan penghasilan projek. Hasil daripada pemerhatian dan maklumbalas, pengkaji telah mengenalpasti projek inovasi yang dapat dibangunkan untuk menangani isu yang diketengahkan. Pengkaji juga telah mengenalpasti peluang serta ancaman yang mungkin terpaksa dihadapi daripada projek inovasi yang dibangunkan. Rajah 1.2 merupakan analisis SWOT untuk projek inovasi yang akan dibangunkan.

Jadual 1.2: Analisis SWOT untuk projek inovasi yang akan dibangunkan

Kekuatan (Strength)	Kelemahan (Weakness)	Peluang (Oppurtunities)	Ancaman (Threats)
1) Mesra pengguna 2) Menjimatkan masa 3) Kos rendah dari segi penghasilan 4) Dihasilkan untuk kegunaan syarikat sahaja	1) Pekerja perlu celik IT 2) perlukan internet	1) Berpotensi bersaing dengan aplikasi yang sedia ada 2) Pekerja akan semakin mahir dengan teknologi 3) Peluang syarikat untuk maju dalam industri	1) Aplikasi yang sedia ada lebih praktikal 2) Boleh dimanipulasi oleh syarikat lain kerana masih belum mendapat hakcipta

## 1.7 SKOP PROJEK INOVASI

Kajian ini secara umumnya tertumpu kepada Syarikat Chawin Trading bagi membincangkan perkara berkaitan pekerja syarikat yang membeli makanan semasa berada di tempat kerja dan memfokuskan kepada dua objektif. Iaitu yang pertama, untuk mengelakkan masalah pekerja daripada membuang masa rehat mereka dalam urusan membeli makanan. Kedua, penghasilan aplikasi E-Meals yang boleh digunakan untuk membeli makanan dengan cara mudah yang disediakan oleh syarikat. Selain itu, melalui aplikasi tersebut pekerja boleh menyambung kerja dalam masa yang ditetapkan. Syarikat

juga tidak perlu mengurangkan gaji pekerja. Seterusnya , syarikat ini dapat menjalankan operasi secara normal dalam situasi pandemik COVID-19 ini. Para pekerja boleh mengelakkan diri daripada melakukan pergerakan fizikal seperti pergi terus ke premis perniagaan supaya mereka dapat memutuskan rantaian pandemik COVID-19. Kajian ini menunjukkan kepada menyelesaikan isu Syarikat Chawin Trading pada masa akan datang.

## **1.8 KEPENTINGAN PROJEK INOVASI**

- a) Aplikasi E-Meals ini memudahkan pekerja Syarikat Chawin Trading untuk membeli makanan secara dalam talian.
- b) Pekerja juga dapat menjimatkan masa dengan mendapat makanan dengan beberapa kos yang mampu dikurangkan.
- c) Syarikat Chawin Trading boleh membandingkan harga makanan dalam aplikasi E-Meals ini. Pembeli juga boleh membandingkan pendapat orang lain sebelum membeli sesuatu makanan.

## **1.9 TAKRIFAN ISTILAH**

- A) aplikasi
  - i. menurut kepada wikipedia aplikasi adalah mudah alih adalah sebuah perisian aplikasi direka untuk digunakan di perantai mudah alih seperti telefon pintar dan komputer.
  - ii. Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2016), aplikasi bermaksud kegunaan (pada praktiknya).

- iii. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2016), aplikasi adalah istilah atur cara atau program computer yang direka kursus untuk kegunaan tertentu.

## B) Teknologi

- I. Menurut kepada Kamus Dewan Edisi Empat(2010) teknologi maklumat ialah sebarang kaedah atau cara yang digunakan untuk menyebarkan, mencari, memaparkan maklumat mengenai sesuatu perkara atau peristiwa.
- II. Menurut kepada wikipedia Takrifan teknologi yang diguna pakai di sekolah-sekolah dan institusi-insitusi pengajian tinggi di Malaysia ialah aplikasi pengetahuan sains yang boleh memanfaatkan serta menyelesaikan masalah manusia yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

## C) makanan

- I. Menurut kepada laman web dan aplikasi memberitahu kualiti makanan, jangka waktu penyajian makanan, dan kemudahan makanan siap untuk diambil atau jangka waktu makanan tersebut akan dihantar kepada pelanggan.
- II. Pembayaran kemudian diuruskan dengan membayar menggunakan kad kredit atau kad debit melalui aplikasi atau laman web atau tunai di tempat makan semasa mengambil makanan.
- III. Menurut kepada wikipedia pemesanan makanan dalam talian ialah proses memesan makanan melalui laman web atau aplikasi peranti bergerak tempat makan itu sendiri.

### **1.10 RUMUSAN BAB**

Keseluruhan bab ini adalah berkaitan dengan pengkaji yang telah mengenal pasti masalah dan isu di Syarikat Chawin Trading. Pihak pengkaji telah mengambil inisiatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Chawin Trading.

Pengkaji membuat keputusan untuk membangunkan aplikasi E-Meals untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh syarikat tersebut seperti ketiadaan kantin di Syarikat Chawin Trading. Melalui aplikasi ini, ia dapat memudahkan proses membeli makanan di restoran berdekatan dengan Syarikat Chawin Trading. Pengkaji mengharapkan pembangunan aplikasi ini dapat membantu para pekerja untuk membuat pemesanan makanan dalam Aplikasi E-Meals dengan lebih mudah dan cepat.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini menjelaskan kajian literatur yang berkaitan dengan bidang projek inovasi dan diakhiri dengan rumusan secara ringkas. Kajian terdahulu merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, artikel, buku, prosiding dan kajian lepas untuk sesuatu kajian terbaharu. Pengkaji mengenalpasti dapatan-dapatan penyelidik lain dalam bidang yang dikaji. Projek inovasi yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah dalam bidang logistik dan rantaian bekalan iaitu penghasilan aplikasi E-Meals yang membantu pekerja-pekerja memesan makanan melalui talian. Kajian literature meliputi tiga bahagian iaitu aplikasi telefon mudah alih, logistik dan rantaian bekalan dan pengurusan membeli makanan.

#### **2.2 KAJIAN TERDAHULU**

##### **A) Teknologi dan Aplikasi**

Terdapat empat prinsip dalam pembelajaran abad 21, diantaranya: (1) arahan wajib berfokus terhadap peserta didik, (2) terdapat proses kerja sama, (3) terdapat hubungan dengan kejadian sehari-hari, (4) satuan pendidikan perlu menyatu bersama masyarakat. Untuk melaksanakan pembelajaran pembelajaran seperti itu, harus digunakan model pembelajaran yang cocok dengan prinsip tersebut. Model pembelajaran paling tepat terhadap target pembelajaran abad 21 adalah pembelajaran yang berlandaskan pada proyek dalam memecahkan suatu permasalahan (Zubaidah, 2016).

Kehidupan normal pada masa kini yang dikelilingi oleh peralatan canggih tidak mengira peringkat umur telah memungkinkan keberhasilan satu sistem atau corak pembelajaran digital. Kini, secara berperingkat proses pengajaran dan pembelajaran tradisional telah berubah ke arah pembelajaran berasaskan teknologi komputer (Aziah & Taufik, 2016).

Hasil kajian daripada Ming, Huang, dan Kuang (2017) mendapati pembelajaran digital mampu meningkatkan prestasi pelajar. Faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar terhadap pembelajaran digital adalah guru bijak menyusun strategi pembelajaran bagi menarik minat pelajar dan memberikan respon.

Antoniou, dan Lepouras (2017) telah membuktikan permainan berbentuk digital dalam mempelajari pengaturcaraan komputer boleh diguna pakai sebagai persekitaran pembelajaran yang berkesan dan meningkatkan motivasi pelajar kerana ianya menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkualiti tinggi.

Mehrnaz (2019) turut menyatakan pembelajaran berasaskan digital atau teknologi telah menerima perhatian yang ketara dalam pedagogi pendidikan sebagai cara yang berkesan untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Dan Wang dan Mas Nida (2020) di mana penggunaan kaedah pembelajaran digital dalam subjek bahasa mempunyai pengaruh yang positif terhadap hasil pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di dalam kelas.

Fazillah dan Tengku Nurhudah (2020) juga menganalisis bahawa penggunaan peralatan ICT dalam PdP merupakan salah satu kaedah yang efektif bagi merangsang minat para pelajar terhadap pelajaran bahasa Melayu serta melahirkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan para pelajar mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat melayu.

## **B) Pengurusan logistik dan rantai bekalan.**

Mencipta rantai bekalan (SC) yang moden dan tangkas merupakan matlamat setiap syarikat, kerana sebuah syarikat moden rantai bekalan (MSC) adalah pantas, automatik dalam proses (menerima tempahan, menyediakan pesanan dan mengedarkan kepada



pelanggan), lebih fleksibel, dan telus. Lebih-lebih lagi, MSC boleh bekerja sistem dinamik dan dengan jumlah data yang tinggi (Barata et al.,2017; Butner, 2010; Yin et al., 2018)

Akibatnya, cabaran yang dihadapi oleh pengurusan logistik dan rantaian bekalan (LSCM) juga lebih tinggi, kerana ia sepatutnya menyokong operasi yang mesti lebih cekap, berkesan, tangkas, berdaya tahan dan mampan. Salah satu akibat yang paling jelas ialah rangkaian bekalan hari ini semakin saling bergantung dan saling berkaitan untuk tujuan kerjasama, termasuk kerjasama menegak dan kerjasama mendatar (Pan et al., 2019a).

Walau bagaimanapun, gangguan, seperti bencana Fukushima pada tahun 2011 atau wabak COVID-19, telah jelas mendedahkan kelemahan rantaian bekalan global kontemporari, terutamanya disebabkan kekurangan keterlihatan rantaian bekalan hujung ke hujung, dan kebolehesanan maklumat dan ketelusan (Ivanov dan Dolgui, 2020a).

Pendigitalan dalam industri logistik dan pengurusan rantaian bekalan (L&SC) semakin meningkat kepentingan strategik untuk perniagaan kerana ia memberi kesan kepada paradigma, model perniagaan yang telah ditetapkan dan sempadan industri (Barrett et al., 2015; Cichosz et al., 2020).

Satu tema berulang dalam literatur membincangkan peluang melalui pendigitalan dalam industri L&SC ialah penggunaan produk dan perkhidmatan digital dan pelaksanaan teknologi baharu (Mathauer dan Hofmann, 2019; North et al., 2019; Verma dan Bhattacharyya, 2017).

### **C) Aplikasi Penghantaran Makanan**

Perkhidmatan penghantaran makanan semakin berkembang pesat ekoran daripada peningkatan penggunaan internet (Alalwan, 2020). Ini disokong oleh Vardaro et al. (2016)

yang menyatakan bahawa masyarakat sekarang lebih gemar untuk memesan makanan secara dalam talian kerana wujudnya pembelian atas talian yang memberi banyak kelebihan seperti mudah, senang dan telus yang menyebabkan kepelbagaian dalam cara pembelian. Tambahan pula, norma baru memerlukan pelanggan mengikuti Standard of Procedure (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan bagi membendung penularan COVID19.

Menurut Reginald dan Michael (2020), permintaan perkhidmatan kurier telah meningkat sejak bermula wabak Covid-19 kerana masyarakat beralih daripada pembelian secara bersemuka ke pembelian secara atas talian kerana keperluan masyarakat untuk kuarantin di tempat tinggal mereka.

Menurut Caren (2020), cabaran yang dilalui oleh pihak perkhidmatan kurier dan pengguna adalah lambakan barangan di pusat perkhidmatan kurier yang akan menyebabkan kelewatan penghantaran barangan yang akan menimbulkan rasa tidak puas hati pengguna kepada perkhidmatan kurier tersebut.

Syed Md Najib Syed Md Noor (2020), bahawa segmen kiriman bungkusan mendapat permintaan tinggi, disokong dengan lonjakan pembelian dalam talian oleh rakyat Malaysia pada ketika arahan kerajaan supaya rakyat kekal di rumah.

Menurut Rahman (2020) melaporkan bahawa Foodpanda memeterai perjanjian dengan lebih daripada 18,000 restoran dengan 8,000 penghantar makanan, manakala Grab Food dengan 5,000 restoran dan 10,000 penghantar makanan di seluruh negara.

Menurut Sinar Harian 30 Mei 2020, penggunaan perkhidmatan penghantar makanan menunjukkan lonjakan sebanyak 30 peratus kerana penularan virus Covid-19. Kebanyakan masyarakat menggunakan perkhidmatan ini ikutan daripada arahan kerajaan yang menggalakkan masyarakat untuk mengelakkan keluar membeli barangan

dan jika terdesak hanya seorang sahaja dibenarkan. Di samping itu, masyarakat juga takut untuk keluar membeli barangan kerana bimbang akan penularan wabak ini. Keadaan ini menyebabkan perkhidmatan penghantaran makanan mula berkembang pesat.

Perkhidmatan penghantaran makanan semakin berkembang pesat ekoran daripada peningkatan penggunaan internet (Alalwan, 2020). Ini disokong oleh Vardaro et al. (2016) yang menyatakan bahawa masyarakat sekarang lebih gemar untuk memesan makanan secara dalam talian kerana wujudnya pembelian atas talian yang memberi banyak kelebihan seperti mudah, senang dan telus yang menyebabkan kepelbagaian dalam cara pembelian.

Menurut Chai & Yat (2019), pemandaran telah berkembang dengan pesat sehingga telah menimbulkan keadaan dimana pada hari biasa, penduduk mempunyai masa yang terhad, tidak berkelapangan untuk menyediakan makanan mereka sendiri termasuklah untuk makan di restoran terutamanya bagi masyarakat yang bekerja.

Menurut Mort & Rose (1838), hedonik bermaksud kenikmatan yang dirasakan berdasarkan keseluruhan pengalaman yang diperolehi semasa proses membuat keputusan untuk membeli iaitu dari proses pengiktirafan keperluan sehingga tingkah laku pasca pembelian. Ia merangkumi penggunaan produk atau perkhidmatan.

### **2.3 RUMUSAN**

Secara keseluruhan, kajian literatur yang dibincangkan merangkumi bidang projek inovasi iaitu aplikasi mudah alih, logistik dan rantai bekalan dan pengurusan membeli makanan secara talian.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan secara mendalam dan lebih terperinci tentang penghasilan Aplikasi E-Meals yang merupakan aplikasi penghantaran makanan dan bertujuan untuk membantu Syarikat Chawin Trading mengatasi masalah tidak mempunyai kantin dikawasan kilang. Pertamanya kajian ini akan menerangkan mengenai prosedur untuk menghasilkan aplikasi E-Meals. Di samping itu, bab ini juga menjelaskan tentang pembaharuan dan keunikan projek inovasi yang dihasilkan. Akhir sekali, Aplikasi E-Meals ini diciptakan hasil daripada penyelidikan melalui wawancara bersama pekerja Syarikat Chawin Trading.

#### **3.2 MAKLUMAT PROJEK INOVASI**

Aplikasi E-Meals adalah sebuah aplikasi yang dihasilkan bagi membantu pekerja-pekerja di Syarikat Chawin Trading supaya dapat membeli atau memesan makanan ketika waktu rehat. Aplikasi E-Meals ini dihasilkan supaya dapat membantu pekerja Syarikat Chawin Trading membeli atau memesan makanan melalui dalam talian kerana tidak ada kantin dikawasan kilang Syarikat Chawin Trading. Hal ini kerana pekerja akan lebih mudah untuk memesan makanan melalui Aplikasi E-Meals sebelum waktu rehat atau ketika waktu rehat. Selain itu kos untuk menghasilkan Aplikasi E-Meals ini adalah rendah dan mampu ditanggung oleh mana-mana yang syarikat yang memerlukannya. Peralatan dan aplikasi yang digunakan untuk menghasilkan aplikasi E-Meals adalah seperti berikut:

*A) Laptop*

*B) Canva*

*C) cms.appinstitute*


### 3.3 PROSES PEMBANGUNAN PROJEK INOVASI

Aplikasi ini dinamakan E-Meals. Bagi menghasilkan aplikasi ini, beberapa peralatan dan aplikasi diperlukan iaitu Laptop, Canva, cms.appinstitute.



Rajah 3.1: komputer riba

Canva adalah sebuah tools untuk desain grafis yang menjembatani penggunaanya agar adapat dengan mudah merancang berbagai jenis desain kreatif secara online. Mulai dari mendesain kartu ucapan, poster, brosur, infografik, hingga presentasi. Canva saat tersedia dalam beberapa versi, web, iPhone, dan Android. Canva dapat membantu anda membuat desain tanpa perlu menginstall aplikasinya. Didalam tools canva juga banyak terdapat design dan animasi yang bisa dengan mudah kita edit didalamnya tanpa perlu mendesignnya dari awal.



Rajah 3.2: canva


AppInstitute ialah penyelesaian pembina aplikasi mudah alih berasaskan awan yang direka untuk pemilik perniagaan kecil membina mana-mana aplikasi yang boleh disesuaikan menggunakan persekitaran pembangun kod rendah. Untuk perkhidmatan pembinaan aplikasi, AppInstitute akan mereka bentuk, membina dan melancarkan sebarang aplikasi menggunakan pakar binaan aplikasi dalaman.



rajah 3.3: peralatan dan aplikasi yang digunakan untuk menghasilkan E-Meals

## LANGKAH 1


Para pengkaji perlu mendaftar di 'cms.appinstitute' untuk mencipta aplikasi E-Meals.




Rajah 3.4: 'appinstitute' yang mengguna untuk mencipta aplikasi E-Meals

## LANGKAH 2


Setelah mendaftar 'appinstitute', para pengkaji akan menjalankan aplikasi 'appinstitute' untuk membina aplikasi yang dirancang. Para pengkaji akan memilih komponen yang akan digunakan untuk mencipta E-Meals.



Rajah 3.5




Rajah 3.6



Rajah 3.7







Rajah 3.8: cara-cara memilih komponen

### LANGKAH 3


Seterusnya, para pengkaji perlu memilih komponen-komponen yang diperlukan untuk mencipta aplikasi E-Meals.




